



(tarikh)  
(date)  
P.U. (A)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2018



DISIARKAN OLEH/*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**  
**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2018**

---

SUSUNAN SEKSYEN - SEKSYEN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

PENASIHAT UNDANG-UNDANG

2. Pelantikan
3. Kuasa dan kewajipan Penasihat Undang-Undang
4. Mewakulkan kuasa dan kewajipan

Seksyen

5. Kesahan

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**  
**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U. (A) 460/2010*], Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama dan permulaan kuatkuasa**

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Malaysia Sabah (Penasihat Undang-Undang) 2018**.
- (2) Statut ini hendaklah berkuat kuasa pada .....

**Pelantikan**

2. (1) Seorang Penasihat Undang-Undang hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut Seksyen 14 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.
- (2) Seorang Penasihat Undang-Undang hendaklah melainkan jika ia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Penasihat Undang-Undang adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Pelantikan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

### **Kuasa dan kewajipan Penasihat Undang-Undang**

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Penasihat Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

(a) menjadi penasihat mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti dan mana-mana pihak berkuasa Universiti.

(b) menjadi ketua Pejabat Penasihat Undang-Undang;

(c) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga dan Senat;

(d) bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan perundangan Universiti termasuklah—

i. menasihati Universiti dalam semua hal ehwal perundangan;

ii. menggubal, menyemak dan melulus dokumen perundangan;

iii. menyedia, menyemak dan melulus surat cara perundangan;

iv. menguruskan hal-hal berkaitan transaksi perundangan; dan

v. menguruskan hal-hal berkaitan litigasi;

- (d)* menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan;
- (e)* menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan perundangan Universiti dengan keizinan Lembaga;
- (f)* memberi nasihat berkaitan urusan tatatertib pekerja dan pelajar Universiti;
- (g)* melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan; dan
- (h)* menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

#### **Mewakulkan kuasa dan kewajipan**

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Penasihat Undang-Undang boleh mewakulkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pegawai Universiti yang berkeelayakan melalui suatu surat cara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Penasihat Undang-Undang atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pegawai Universiti yang berkeelayakan untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Penasihat Undang-Undang.

**Kesahan**

5. Apa-apa tindakan yang telah disempurnakan oleh Penasihat Undang-Undang dibawah statut ini hendaklah pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat dibawah Statut ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

Dibuat .....

TYT Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin

*Canselor Universiti Malaysia Sabah*